

Tindakan pertikai dasar automotif kerajaan

Tengku Mahaleel kena beri penjelasan

BH-1/7/2005

KUALA LUMPUR: Kedudukan Tengku Tan Sri Mahaleel Tengku Ariff sebagai Ketua Eksekutif Proton Holdings Bhd sekali lagi mengundang tanda tanya apabila lembaga pengarah syarikat itu meminta penjelasannya berhubung tindakannya mempertikaikan dasar automotif kerajaan.

Difahamkan, Lembaga Pengarah Proton memanggil satu mesyuarat tergepar kelmarin bagi membincangkan kenyataan Tengku Mahaleel dalam satu wawancara dengan akhbar berbahasa Cina, *Oriental Daily*.

Dalam temu bual itu, beliau antara lain mendakwa 'layanan buruk' terhadap Proton oleh kerajaan – yang juga pemegang saham utama syarikat itu, menerusi Khazanah Nasional Bhd.

Difahamkan, Tengku Mahaleel tidak menghadiri mesyuarat kelmarin kerana berada di luar negara atas urusan perniagaan.

Dalam mesyuarat itu, Lembaga Pengarah Proton dikatakan mem-

buat panggilan telefon kepadanya memintanya menjelaskan mengenai kenyataan dibuatnya dalam temu bual dengan akhbar berkenaan.

Beliau juga dikatakan diberi tempoh sehingga akhir minggu ini untuk memberi jawapan kepada lembaga pengarah syarikat.

Lembaga Pengarah Proton tidak dapat dihubungi bagi mengulas perkara itu dan setakat ini, tindakan yang mungkin dikenakan terhadap Tengku Mahaleel jika mereka tidak berpuas hati dengan penjelasannya, belum dapat dipastikan walaupun timbul spekulasi kononnya Tengku Mahaleel akan dipecat.

Difahamkan, mesyuarat tergepar kelmarin dipanggil oleh Pengerusi Proton, Datuk Azlan Hashim, yang kemudiannya memaklumkan perkara itu di mesyuarat Lembaga Pengarah Khazanah Holdings, yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, semalam.

Perdana Menteri yang ditanya mengenai perkara itu selepas mem-

pengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno, malam tadi, bagaimanapun berkata, tidak ada keputusan dibuat berkaitan kedudukan Tengku Mahaleel.

"Saya mempengerusikan mesyuarat Khazanah.... tidak ada keputusan sedemikian dibuat," kata Perdana Menteri.

Tengku Mahaleel gagal dihubungi untuk mengulas tetapi jurucakap Proton, Fauziyah Abu Hassan berkata, syarikat itu tidak akan membuat sebarang kenyataan rasmi.

"Saya rasa orang yang paling sesuai dihubungi untuk mendapatkan ulasan ialah dengan (ahli) lembaga pengarah (Proton)," katanya.

Perkembangan terbaru ini bukan yang pertama membabitkan Tengku Mahaleel dengan Lembaga Pengarah Proton. Awal tahun ini, Datuk Abu Hassan Kendut melepaskan jawatannya sebagai Pengerusi Proton selepas keputusan lembaga pengarah syarikat itu untuk tidak memperbaharui kontrak Tengku Mahaleel, ditarik balik.



Tengku Mahaleel Tengku Ariff